

Meneroka Peranan dan Komitmen di Sebalik Pemilihan Kerjaya Pengasuh TASKA

Che' Rozaniza Azizan¹, Samsilah Roslan^{2*}, Siti Nazurana Konaen³, Noorlila Ahmad⁴ & Hasny@Yanti, Z.^{5, 6}

^{1, 2, 3, 4, 5} Jabatan Asas Pendidikan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, 43400, UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

⁶ Sekolah Kebangsaan Puchong, Jalan Masjid, 47100 Puchong, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

ABSTRAK

Pengasuh Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) memainkan peranan yang penting dalam memastikan kesejahteraan, keselamatan dan pembangunan potensi kanak-kanak seperti yang digariskan oleh Kurikulum PERMATA Negara. Justeru, pemilihan kerjaya sebagai pengasuh TASKA memerlukan komitmen yang tinggi dalam menjalankan rutin sehari-hari di TASKA. Kajian ini bertujuan menyelami peranan dan faktor yang mendorong komitmen 3 orang pengasuh TASKA di sebuah TASKA swasta berdaftar di Nilai, Negeri Sembilan. Kajian ini turut meninjau faktor di sebalik pemilihan kerjaya sebagai pengasuh TASKA. Pengumpulan data melibatkan kaedah temu bual, pemerhatian, nota lapangan dan analisis dokumen. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa pengasuh TASKA menjalankan peranan mereka dengan baik selaras dengan garis panduan Kurikulum PERMATA Negara. Hubungan dan komunikasi, timbal balas keprihatinan dan tolak ansur, dan pengalaman manis merupakan faktor utama yang mempengaruhi komitmen pengasuh TASKA. Faktor minat, cita-cita, pengetahuan dan kemahiran dalam asuhan kanak-kanak merupakan pendorong utama dalam pemilihan kerjaya sebagai pengasuh TASKA. Kesimpulannya, pengasuh TASKA yang komited akan berusaha mengasuh dan mengembangkan potensi kanak-kanak yang diasuh selaras dengan garis panduan Kurikulum PERMATA Negara. Justeru, usaha ke arah peningkatan kualiti asuhan dan didikan awal kanak-kanak sewajarnya diiringi dengan usaha ke arah peningkatan komitmen kerjaya pengasuh; seterusnya menggalakkan pengasuh TASKA untuk kekal lama di dalam kerjaya yang diceburi.

Kata Kunci: Komitmen kerjaya, pemilihan kerjaya, pengasuh, rutin, TASKA

Abstract

Child Care Centre (TASKA) caregivers play important roles in ensuring children's wellbeing, safety and developing their potential as required by the National PERMATA Curriculum. Thus, career selection as TASKA caregivers require high commitment in conducting daily routines. This case study explores the roles and factors that encourage the commitment of 3 TASKA caregivers in a private registered TASKA in Nilai, Negeri Sembilan. This study also reviews the factors related to TASKA caregivers' career selection. Data collection methods involved interviews, observations, field notes and documents analyses. Findings indicated that TASKA caregivers carried out their daily routines in accordance with the guidelines of the National PERMATA Curriculum. TASKA caregivers' commitment is related to relationships and communications, reciprocal concern and tolerance and good memorable experiences. Interest, aspiration, knowledge and skills in child care are the main factors in career selection among the TASKA caregivers. To conclude, the committed TASKA caregivers would always involve in nurturing and developing children's potential in accordance with the guidelines given by the National PERMATA Curriculum. Therefore, efforts towards improving the quality

*Corresponding author: samsilah@upm.edu.my

eISSN: 2462-2079 ©Universiti Putra Malaysia Press

of children's early care and education should be accompanied by measures to enhance the TASKA caregivers' work commitment; thus promoting their persistence in the chosen career.

Keywords: Career selection, caregivers, role, TASKA, work commitment

PENDAHULUAN

Kurikulum PERMATA Negara merupakan suatu garis panduan yang dibangunkan untuk membantu pengusaha dan pengasuh TASKA dalam memainkan peranan masing-masing sebagai agen kecemerlangan potensi kanak-kanak (PERMATA, 2013). Kurikulum ini berupaya membantu perkembangan potensi kanak-kanak secara holistik ke arah melahirkan modal insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, jasmani dan sosial berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan ke arah mencapai wawasan negara.

Mulai tahun 2013, setiap pengasuh TASKA didedahkan dengan Kurikulum PERMATA Negara bagi menggantikan Kursus Asas Asuhan Kanak-kanak (KAAK) Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Modul baharu yang lebih komprehensif ini melibatkan pendedahan terhadap aktiviti penjagaan, pengasuhan dan pendidikan PERMATA bagi kanak-kanak berusia antara 3 bulan hingga 4 tahun. Modul ini turut memberi tumpuan terhadap perkembangan holistik kanak-kanak yang melibatkan aspek sahsiah, emosi, sosial, kerohanian, intelek, fizikal dan kreativiti (PERMATA, 2013).

Tidak dinafikan, penambahbaikan terhadap modul asuhan dan didikan kanak-kanak di TASKA ini amat baik dalam memastikan perkembangan menyeluruh kanak-kanak pada peringkat awal usia mereka. Namun di sebalik latihan dan kursus yang dianjurkan, masalah kecederaan dan kematian bayi serta kanak-kanak di TASKA masih berlaku. Misalnya kes-kes bayi digigit (Rubiah Omar, 2015), tersedak susu (Utusan Malaysia, 20 Mac, 2011; Sinar Harian 27 Sep 2013; Utusan Malaysia, 20 Januari 2015), penderaan (Bernama, November 4 2013; Umapathi, 2015), merupakan antara kes-kes kecederaan dan kematian yang pernah dilaporkan di dada akhbar.

Walaupun kandungan modul Kurikulum PERMATA Negara jelas menyatakan bahawa pengasuh perlu menjalankan tugas dengan penuh amanah dan komitmen, kajian mendapati bahawa latihan dan pendedahan dalam aspek berkaitan semata-mata belum mencukupi. Misalnya, Penn (2009) menyatakan bahawa selain latihan dan tahap pendidikan pengasuh, persekitaran kerja (seperti gaji, ratio pengasuh kepada kanak-kanak, waktu bekerja, dan sebagainya) turut memainkan peranan penting dalam memastikan aspek keselamatan, kesihatan dan pembelajaran kanak-kanak di TASKA.

Oleh itu, usaha ke arah melahirkan pengasuh TASKA dengan komitmen tinggi yang dihasratkan oleh Kurikulum PERMATA Negara akan dapat direalisasikan dengan kewujudan persekitaran kerja yang merangsang komitmen mereka. Hal ini seterusnya akan merangsang pengasuh TASKA untuk menjalankan tugas dengan penuh komitmen dan amanah demi menjamin keselamatan, kesihatan dan perkembangan potensi optimum kanak-kanak serta memastikan masalah kecuaian dan pengabaian kanak-kanak boleh berlaku, malah sehingga menyebabkan kecederaan, kecacatan atau kematian tidak berlaku.

Memandangkan komitmen pengasuh TASKA merupakan antara faktor paling utama dalam memastikan kejayaan pembangunan potensi kanak-kanak, adalah amat wajar faktor ini diterokai dengan lebih mendalam. Ini termasuk mengenal pasti peranan pengasuh TASKA dan komitmen mereka terhadap peranan tersebut, serta faktor-faktor yang bertindak mempengaruhi tahap komitmen tersebut.

Justeru, bagi memahami senario tersebut, kajian kes ini dijalankan untuk (1) menyenaraikan peranan pengasuh TASKA berdasarkan rutin sehari-hari mereka; (2) meninjau faktor yang mempengaruhi komitmen pengasuh TASKA dan (3) meneroka faktor pemilihan kerjaya pengasuh TASKA daripada ruang fenomenologi mereka. Adalah diharapkan agar kajian kes ini akan dapat memberikan sedikit maklum balas berkaitan rutin sehari-hari dan faktor yang mendorong komitmen pengasuh TASKA di sebalik pemilihan kerjaya yang penuh cabaran ini.

Komitmen dan Peranan Pengasuh TASKA

Kerjaya sebagai pengasuh TASKA memerlukan individu yang komited terhadap peranan dalam menjalankan rutin sehari-hari mereka di TASKA. Menurut Baron dan Greenberg (1990) komitmen merujuk kepada penerimaan yang kuat individu terhadap tujuan dan nilai-nilai pekerjaan di mana individu tersebut akan berusaha dan bekerja serta memiliki hasrat yang kuat untuk tetap bertahan di tempat kerja tersebut. Kajian turut melaporkan bahawa komitmen mempunyai pertalian dengan kepuasan kerja (Chua, 2008; Kimball & Nink, 2006).

Dalam konteks ini, seseorang pengasuh TASKA yang komited akan berusaha untuk memastikan segala kehendak dan keperluan kanak-kanak dipenuhi. Malah, mereka akan cuba sedaya-upaya untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran pekerjaan di TASKA. Kajian turut mendapati bahawa persekitaran kerja yang positif turut berperanan dalam memastikan interaksi yang positif, meningkatkan kebolehan dalam aspek asuhan, memberikan perhatian yang mencukupi dan seterusnya merangsang perkembangan kanak-kanak di TASKA (Shonkoff and Philips, 2000).

Selain itu, terdapat juga kajian yang mendapati bahawa persekitaran kerja yang kurang memuaskan akan memberi kesan terhadap kepuasan dan komitmen pengasuh TASKA. Misalnya, peluang kenaikan pangkat yang terhad (Cleveland, Gunderson & Hyatt, 2003), gaji yang rendah (Ackerman, 2006; Bradley, 2001), ratio pengasuh kepada kanak-kanak yang tinggi (De Schipper, Riksen-Walraven & Geurts, 2006; Huntsman, 2008; Torquati et al., 2007) dan tempoh bekerja yang panjang (lazimnya antara 6.30 pagi hingga 6.30 petang) merupakan antara penyebab utama yang mendorong mereka meninggalkan pekerjaan ini.

Peranan pengasuh TASKA masa kini bukan sekadar terhad kepada aspek keselamatan, kesihatan dan kebersihan kanak-kanak di TASKA sahaja. Pengasuh merupakan ahli profesional yang menentukan keberkesaan perkhidmatan sesebuah TASKA (PERMATA, 2013). Selain diibaratkan sebagai pengganti ibu bapa, mereka juga berperanan sebagai fasilitator yang membantu pemahaman kanak-kanak dalam setiap aktiviti pengasuhan dan pembelajaran yang dijalankan di TASKA.

Walaupun kerjaya ini tidak memerlukan latar belakang pendidikan yang tinggi (Bradley, 2001; Chiam, 2008), namun profesionalisme mereka khususnya dalam aspek pengasuhan dan pembangunan holistik potensi kanak-kanak berusia di bawah umur 4 tahun sewajarnya dihargai. Bagi memenuhi peranan tersebut, pengasuh TASKA disarankan untuk bersikap proaktif dan bermotivasi tinggi untuk memajukan diri dalam bidang yang diceburi (PERMATA, 2013). Malah, pengasuh TASKA juga telah dilatih dan dide dahkan dengan ciri-ciri pendidik yang berakhhlak mulia dan berkualiti bersesuaian dengan tugasan sehari-hari mereka.

Selain memiliki ciri-ciri sahsiah yang tinggi, Kurikulum PERMATA Negara turut menetapkan agar pengasuh TASKA menghormati hak kanak-kanak seperti yang termaktub di dalam Konvensyen Hak Asasi Kanak-Kanak dan mengelakkan sebarang bentuk pengabaian dan penganiayaan terhadap kanak-kanak. Mereka juga perlu menjalankan tugas tanpa wujudnya sebarang elemen diskriminasi terhadap agama, bangsa, bahasa, kebudayaan, gender, umur, kebolehan, dan status ekonomi seseorang kanak-kanak (PERMATA, 2013).

Sebagai pelaksana dasar, pengasuh TASKA perlu melengkapkan diri dengan kemahiran sosial dan sentiasa bekerjasama dengan semua pihak semasa menjalankan tugas sehari-hari mereka (PERMATA, 2013). Justeru, setiap pengasuh perlu menyedari bahawa tanggungjawab melahirkan generasi pewaris dan modal insan negara selaras dengan Dasar Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan 2008 turut dicorakkan oleh kualiti asuhan dan didikan mereka di TASKA (PERMATA, 2013).

Hal ini seiring dengan hasrat Y.A.Bhg. Datin Paduka Seri Rosmah Mansor, Pengurus Jawatankuasa Kerja Penyelarasan Program PERMATA yang menyatakan bahawa “Setiap Anak PERMATA Negara.” Oleh itu, mereka perlu diberikan permulaan hidup yang terbaik bermula dengan kualiti asuhan dan didikan awal kanak-kanak di TASKA (PERMATA, 2013).

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian kes kualitatif dijalankan untuk meneroka peranan, komitmen, dan faktor pemilihan kerjaya pengasuh TASKA berdasarkan sudut pandangan dan pengalaman sebenar mereka. Menurut Yin (2008), reka bentuk kajian kes merupakan satu kaedah inkuiri empirik yang mengkaji sesuatu fenomena dalam konteks kehidupan sebenar, dan juga dalam situasi di mana pelbagai sumber bukti boleh digunakan. Reka bentuk kajian kes turut digunakan untuk meneroka sesuatu fenomena sebelum kajian secara terperinci dijalankan, bagi membolehkan pengkaji mendapatkan gambaran menyeluruh berkaitan faktor pendorong terhadap berlakunya sesuatu fenomena tersebut. Sehubungan dengan itu, kajian kes berbentuk penerokaan (Yin, 2008) dapat membantu pengkaji untuk mendapat gambaran awal dan memahami aspek peranan, komitmen dan faktor pendorong pemilihan kerjaya pengasuh TASKA berdasarkan pengalaman sebenar peserta kajian.

Sampel Kajian

Kajian ini dijalankan ke atas tiga orang pengasuh di sebuah TASKA swasta berdaftar di Nilai, Negeri Sembilan. Pengkaji telah memohon kebenaran bertulis daripada pengusaha TASKA dan kesemua peserta kajian sebelum kajian dijalankan. Pemilihan sampel kajian adalah berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan untuk mendapatkan matlamat yang kaya dan mendalam. Kriteria ini termasuk berkhidmat di TASKA berdaftar, tempoh berkhidmat yang melebihi 1 tahun, berusia 25 tahun ke atas dan merupakan pekerja tetap di TASKA tersebut. Pemilihan sampel kajian adalah berdasarkan kaedah persampelan bertujuan di mana bilangan responden ditentukan berdasarkan titik tepu yang dicapai (Merriam, 1998; Lincoln & Gib, 1985).

Instrumen

Walaupun kajian ini melibatkan penggunaan protokol temu bual dan protokol pemerhatian untuk mendapatkan data kajian, namun pengkajilah yang bertindak sebagai instrumen utama untuk mengumpulkan data. Pengkaji sebagai instrumen merujuk kepada suatu keadaan di mana pengkaji bertindak sebagai peserta yang aktif dalam proses pengumpulan data kajian (Hammersley and Atkinson, 1995). Pemahaman yang jelas dapat diperoleh memandangkan pengkaji terlibat dalam aktiviti memproses dan memberi makna yang sebenar terhadap fenomena yang dikaji. Penggunaan pengkaji sebagai instrumen dapat mewujudkan suatu ruang komunikasi yang menggalakkan peserta kajian untuk berkongsi maklumat dan pengalaman mereka dengan lebih selesa (Owens, 2006). Tambahan pula, pengalaman menggunakan khidmat asuhan anak di TASKA ini selama tempoh melebihi 4 tahun merupakan antara faktor yang turut mendorong peserta kajian untuk berkongsi maklumat berkaitan fenomena yang dikaji dengan lebih terbuka.

Kajian ini mengaplikasikan kaedah temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen bagi menyelami peranan, komitmen dan faktor pemilihan kerjaya pengasuh TASKA. Kombinasi ketiga-tiga kaedah ini dapat memperkuuhkan daptan kajian dan seterusnya mengurangkan *bias* dalam pentafsiran data. Protokol temu bual yang mengandungi soalan berbentuk probing dibentuk bagi mendapatkan maklumat yang lebih jelas berkaitan peranan, komitmen dan faktor di sebalik pemilihan kerjaya pengasuh TASKA. Bagi menghormati permintaan kesemua peserta kajian, nota lapangan digunakan bagi mencatatkan jawapan semasa temu bual dijalankan.

Selain itu, protokol pemerhatian turut digunakan untuk merekod bahasa tubuh, intonasi suara dan persekitaran semasa proses temu bual dijalankan ke atas peserta kajian. Kaedah pemerhatian sela masa selama 45 minit bagi tempoh dua minggu berturut-turut turut direkodkan bagi memperoleh gambaran berkaitan peranan dan komitmen pengasuh TASKA. Oleh itu, hanya pemerhatian di dalam sela masa tersebut sahaja direkodkan. Sebarang perlakuan atau rutin harian yang berlaku di luar daripada sela masa tersebut adalah tidak diambil kira. Analisis dokumen turut digunakan bagi tujuan triangulasi data kajian.

Analisis Data

Kaedah transkripsi secara manual dilakukan ke atas kesemua data yang diperolehi melalui temu bual, pemerhatian dan nota lapangan. Setiap transkrip disemak sebanyak beberapa kali dan dianalisa secara manual bagi membolehkan pengkaji mengenal pasti tema dan pola yang terhasil. Transkripsi yang diperoleh daripada hasil temu bual dikembalikan kepada semua peserta kajian untuk tujuan pengesahan. Apabila proses semakan transkrip selesai dijalankan, idea dan tema diklasifikasikan dan diberikan label secara konseptual. Kerangka konsep berdasarkan Teori Tipologi Kerjaya Holland (1997) turut digunakan bagi mengklasifikasikan faktor pemilihan kerjaya yang terhasil.

Seterusnya, proses *coding* dijalankan dengan memberikan kod-kod tertentu berdasarkan baris-baris ayat dalam setiap transkripsi temu bual. Kesemua kod petikan ini digunakan untuk menjawab kesemua persoalan kajian yang berkaitan. Nama samaran dan kod P1, P2 dan P3 diberikan bagi melindungi identiti kesemua peserta kajian. Triangulasi data melibatkan hasil temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Ekspresi seperti komunikasi bukan verbal melibatkan riak wajah, perasaan ketawa, sedih dan renungan mata juga turut dicatatkan.

DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini membincangkan beberapa aspek berkaitan daptan kajian berdasarkan kesemua objektif kajian yang telah dicadangkan. Beberapa tema telah dibentuk bagi menjawab kesemua soalan kajian tersebut.

Peranan Pengasuh TASKA

Berdasarkan pemerhatian ke atas aktiviti rutin harian selama dua minggu berturut-turut, pengkaji mendapati bahawa peranan pengasuh TASKA adalah seperti yang berikut.

- i. menyambut kedatangan bayi/kanak-kanak
- ii. mengemas beg/menyusun beg bayi/kanak-kanak
- iii. menyediakan tempat tidur bayi/kanak-kanak di katil bayi/tilam di ruang tamu
- iv. menyediakan makanan (sarapan pagi, tengahari dan petang)
- v. mandikan bayi/kanak-kanak
- vi. menyediakan susu bayi/kanak-kanak
- vii. memberi/menyupap kanak-kanak makan (atas umur 2 tahun)
- viii. memberi bayi makan bubur/makanan bijirin (bawah umur 2 tahun)
- ix. mencuci pinggan/gelas/botol susu
- x. memberi ubat (jika ada bayi/kanak-kanak yang tidak sihat berdasarkan nota bertulis ibu bapa)
- xi. menidurkan bayi/kanak-kanak
- xii. mengelap/tuam bayi/kanak-kanak yang tidak sihat
- xiii. menyiapkan kanak-kanak/bayi untuk pulang
- xiv. mencuci tandas (jika perlu/selepas kanak-kanak pulang)
- xv. mengemop lantai (jika perlu/selepas kanak-kanak pulang)
- xvi. menyapu dan membuang sampah (jika perlu/selepas kanak-kanak pulang)
- xvii. mengambil rekod kedatangan bayi dan kanak-kanak
- xviii. menerima yuran bulanan dan mencatatkan rekod pembayaran (minggu terakhir setiap bulan)

Memandangkan pengkaji menjalankan kajian pada minggu terakhir bulan November, beberapa orang ibu bapa didapati turut berjumpa dengan P1 bagi tujuan pembayaran yuran bulanan. P1 mencatatkan rekod pembayaran di dalam sekeping kad yang mengadungi butir-butir seperti tarikh pembayaran, jumlah dan tandatangan pembayar (ibu bapa) dan penerima (P1). Selain itu, seorang pengasuh (P2 dan P3 secara bergilir-gilir mengikut hari) turut menjalankan aktiviti bersama kanak-kanak berusia antara 2 hingga 4 tahun berdasarkan jadual yang telah dibina oleh P1.

- i. menulis huruf dan nombor (Isnin)
- ii. menonton televisyen/video (Selasa)
- iii. berbual (Rabu)
- iv. menyanyi dan menari (Khamis)
- v. main peranan (Jumaat)

Faktor yang Mempengaruhi Komitmen Pengasuh TASKA

Beberapa tema kajian telah muncul dan dikenal pasti dalam melihat serta meninjau faktor yang mempengaruhi komitmen pengasuh TASKA. Tema yang muncul adalah seperti berikut:

Hubungan dan Komunikasi

Berdasarkan temu bual yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa peserta kajian mempunyai hubungan yang baik dengan majikan mereka. Hal ini dapat dibuktikan melalui pernyataan berikut:

- P1: *Malahan ada ketikanya majikan sendiri yang datang membantu jika keadaan memerlukan ramai pengasuh.*
 P2: *Majikan saya prihatin orangnya..baik dan mengambil berat tentang kebajikan pekerja..*
 P3: *Majikan saya bukan jenis yang mendengar dari sebelah pihak sahaja..dia (majikan) biasanya akan tanya kami (pengasuh) dahulu betul ke tidak apa yang dikatakan...prihatinlah orangnya.*

Pengkaji turut menjalankan temu bual untuk melihat aspek hubungan pengasuh dengan rakan sekerja mereka. Hasil temu bual tersebut mendapati, peserta mempunyai hubungan yang baik dan saling bekerjasama antara satu sama lain. Peserta turut menyatakan bahawa mereka mengamalkan amalan penghususan kerja seperti dalam pernyataan berikut:

- P1: *Biasanya salah seorang daripada kami bertiga akan memasak di dapur, seorang akan menjemput kehadiran kanak-kanak di pintu dan seorang lagi akan berada di sini (ruang tamu yang dilapik tilam) untuk memantau kanak-kanak lain.*
 P2: *Bantu sajalah mana yang sempat....sama-sama bekerjasama.*
 P3: *Ikut giliranlah..penyelia dah tetapkan..tapi selalunya kami buat bersama-sama.*

Seterusnya, kajian turut mendapati bahawa peserta mempunyai hubungan yang baik dengan ibu bapa/penjaga di TASKA tersebut seperti dalam pernyataan berikut:

- P1: *Mereka (ibu bapa) juga melayan saya dengan bahasa yang baik...peramah..dan sedia berbincang dengan saya perihal anak-anak mereka di TASKA.*

P2: Hubungan baik dengan ibu bapa dan majikan itu sudah cukup menggembirakan saya.

P3: Bila dihargai ibu bapa..tak dinafikan..walaupun terdapat segelintir yang agak cerewet, namun tak semuanya sama.

Timbal Balas Keprihatinan dan Tolak Ansur

Hasil temu bual yang dilakukan turut menunjukkan bahawa komitmen pengasuh TASKA turut dipengaruhi oleh timbal balas keprihatinan dan tolak ansur. Hal ini dapat dibuktikan seperti dalam pernyataan di bawah.

P1: Pada mulanya tidak suka (kerja lebih masa). Tetapi apabila mengenangkan keprihatinan ibu bapa terhadap saya, semuanya tidak menjadi masalah.

P2: Saya bertolak ansur..cuba memahami masalah ibu bapa..tidak boleh pentingkan diri sendiri juga la dalam hal ini. (kerja lebih masa)

Pengalaman Manis

Hasil temu bual menunjukkan bahawa, para pengasuh mempunyai pelbagai pengalaman pahit dan manis dalam menguruskan kanak-kanak. Walau bagaimanapun, secara keseluruhan, pengalaman yang dialami pengasuh TASKA adalah lebih cenderung kepada pengalaman manis berbanding pengalaman pahit. Hal ini secara tidak langsung dapat meningkatkan komitmen pengasuh terhadap tugas sehari-hari mereka di TASKA. Hal ini dibuktikan seperti dalam pernyataan di bawah.

P1: Pengalaman manis banyak...antaranya saya amat suka mendengar ucapan bye bye (selamat tinggal) dan senyuman kanak-kanak.

P2: ..pengalaman manisnya banyak...terutamanya apabila ibu bapa menghargai dengan ucapan terima kasih.

Berdasarkan temu bual yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa komitmen pengasuh TASKA dipengaruhi oleh aspek hubungan dan komunikasi (antara pengasuh TASKA dengan majikan, rakan sekerja dan ibu bapa/penjaga), timbal balas keprihatinan dan tolak ansur serta pengalaman manis sepanjang berkhidmat di TASKA berkaitan.

Faktor Pemilihan Kerjaya sebagai Pengasuh TASKA

Berdasarkan temu bual yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa faktor-faktor seperti minat, cita-cita, pengetahuan dan kemahiran dalam asuhan kanak-kanak telah mempengaruhi pemilihan kerjaya pengasuh TASKA. Ini seterusnya mendorong mereka untuk bertahan di dalam kerjaya tersebut.

Minat

Temu bual mendapati minat merupakan salah satu faktor yang mendorong pemilihan kerjaya sebagai pengasuh TASKA. Peserta menyatakan bahawa mereka berminat dengan kerjaya ini.

P1:minat dan sayang dengan kanak-kanak.

P2: Saya mempunyai minat semulajadi kepada kanak-kanak yang menguatkan keinginan saya untuk bekerja dalam bidang ini.

Cita-cita

Dua daripada tiga orang peserta menyatakan bahawa cita-cita untuk membuka TASKA sendiri merupakan antara sebab yang mendorong mereka untuk menceburi kerjaya ini.

P1: Saya berniat untuk menjadi seorang pengusaha TASKA suatu masa nanti.

P2: Saya nak jadikan pengalaman di sini untuk buka TASKA sendiri.

Pengetahuan dan Kemahiran dalam Asuhan Kanak-Kanak

Hasil temu bual mendapati bahawa pengasuh mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam mengasuh kanak-kanak. Hal ini dibuktikan seperti dalam pernyataan di bawah:

P1: Majikan hantar kursus dengan Persatuan Pengasuh Bedaftar Negeri Sembilan.

P2: Saya pernah dihantar oleh majikan untuk mengikuti kursus kemahiran... emm iaitu Kursus Asas Asuhan Kanak-Kanak di Kolej Negeri.

P3: Belum pergi kursus..sekadar pengalaman mengasuh anak dan cucu.

Dua orang pengasuh menyatakan bahawa mereka pernah mengikuti KAAK seperti yang disarankan oleh JKM. Manakala, seorang lagi pengasuh menyatakan bahawa beliau memperoleh pengetahuan dan kemahiran melalui pengalaman mengasuh anak dan cucu. Justeru, pemilihan kerjaya pengasuh TASKA turut didorong oleh

pengetahuan dan kemahiran dalam aspek asuhan kanak-kanak sama ada secara formal dengan menghadiri KAAK atau secara tidak formal melalui pengalaman peribadi.

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Kajian kes secara kualitatif telah dijalankan untuk meneroka peranan, komitmen dan pemilihan kerjaya pengasuh TASKA. (2) meninjau faktor yang mempengaruhi komitmen pengasuh TASKA dan (3) meneroka faktor pemilihan kerjaya pengasuh TASKA daripada ruang fenomenologi mereka. Dapatkan kajian telah mendapati bahawa peranan pengasuh TASKA terbahagi kepada aktiviti rutin harian dan aktiviti rutin bulanan berdasarkan senarai pemerhatian yang telah dicatatkan.

Secara keseluruhannya, dapatkan kajian menunjukkan komitmen pengasuh TASKA dipamerkan melalui pelaksanaan aktiviti rutin sehari-hari mereka di TASKA. Menyelami hakikat tanggungjawab ini, sesuatu pekerjaan yang melibatkan manusia apatah lagi kanak-kanak dan bayi kecil amat menuntut sepenuh perhatian dan komitmen daripada seseorang individu yang bergelar pengasuh. Oleh yang demikian, apabila menyentuh tentang komitmen pengasuh TASKA, aspek kasih sayang, minat dan kemahiran dalam pengurusan kanak-kanak perlu ditekankan sebagai salah satu agenda yang menjadi teras peranan sehari-hari mereka di TASKA.

Dapatkan menunjukkan bahawa kerjaya sebagai pengasuh taska memerlukan komitmen yang tinggi terhadap tugas sehari-hari di taska. Pengasuh taska yang komited akan berusaha memastikan segala keperluan kanak-kanak asuhan dipenuhi. Malah, mereka akan cuba dengan sedaya-upaya untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran kerja di taska. Terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi komitmen pengasuh TASKA. Misalnya, kajian menunjukkan bahawa faktor hubungan dan komunikasi yang baik di antara pengasuh TASKA dengan majikan, rakan sekerja dan ibu bapa kanak-kanak yang diasuh sedikit sebanyak telah mempengaruhi komitmen kerja mereka. Dalam konteks ini, pengasuh TASKA menerima arahan yang jelas daripada majikan berhubung peranan dan tugas sehari-hari mereka.

Selain itu, hubungan baik sesama rakan sekerja, saling bekerjasama dan mengamalkan konsep penghususan kerja turut menjadi antara pendorong utama komitmen mereka. Dapatkan ini adalah selari dengan Pace dan Faules (1994) yang menyatakan bahawa komunikasi dua hala jenis terbuka, jelas dan saling mempercayai akan dapat mempengaruhi darjah komitmen seseorang pekerja terhadap organisasinya. Malah, peningkatan komitmen terhadap organisasi yang melibatkan proses komunikasi dari pihak majikan kepada pekerja dan sesama rakan sekerja menjadi suatu faktor penting yang mempengaruhi komitmen individu (Pace & Faules, 1994). Justeru, pengusaha TASKA disarankan agar senantiasa memantau aspek hubungan dan komunikasi demi meningkatkan komitmen pengasuh dan seterusnya meningkatkan kualiti asuhan kanak-kanak di TASKA.

Selain itu, kajian turut mendapati bahawa, pengalaman manis yang pernah dilalui oleh pengasuh TASKA turut menyumbang terhadap komitmen sehari-hari mereka di TASKA. Walaupun adakalanya kerjaya ini turut disulami dengan beberapa pengalaman pahit dengan segelintir ibu bapa, namun pengasuh sanggup bertolak-ansur demi minat yang mendalam terhadap kerjaya ini. Malah, pengasuh sanggup bekerja lebih masa sebagai menghargai hubungan baik dengan ibu bapa yang sentiasa prihatin dengan kebijakan mereka.

Dari sudut pemilihan kerjaya pula, pengasuh TASKA menyatakan bahawa faktor minat, cita-cita dan pengetahuan serta kemahiran dalam asuhan kanak-kanak merupakan antara pendorong pemilihan kerjaya ini. Menurut Holland (1997), minat merupakan suatu manifestasi terhadap personaliti individu yang berfungsi untuk mendorong pemilihan kerjaya seseorang. Pemilihan kerjaya berdasarkan minat ini memberi suatu implikasi bahawa penggunaan Kurikulum PERMATA Negara yang digunakan di kesemua TASKA berdaftar di Malaysia telah berjaya membantu pengasuh memahami peranan mereka dan seterusnya memilih untuk terus berkhidmat di TASKA. Kajian turut mendapati bahawa minat yang mendalam terhadap kerjaya yang diceburi turut memainkan peranan penting dalam peningkatan komitmen pekerjaan individu (Dewi Puspitasari dan Setia Asyanti, 2011).

Kajian ini telah menunjukkan bahawa walau apa pun faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya pengasuh TASKA, mereka berjaya memberikan sepenuh komitmen terhadap peranan sehari-hari di TASKA. Malah, komitmen yang ditunjukkan jelas mempengaruhi kelangsungan kesejahteraan penghuni “kecil” di TASKA agar terpelihara dalam suasana yang menjamin keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan mereka.

Selain itu, kajian ini turut memberi gambaran bahawa pengasuh TASKA bukan sekadar menjalankan aktiviti pengasuhan dan penjagaan semata-mata, malah peranan mereka mencakupi—aspek pendidikan yang turut memberi tumpuan terhadap perkembangan holistik kanak-kanak yang melibatkan aspek sahsiah, emosi, sosial, kerohanian, intelek, fizikal dan kreativiti. Justeru, kerjaya ini sewajarnya dimartabatkan dan diberi pengiktirafan

sama seperti guru di sekolah. Hal ini memandangkan pengasuh bukan sahaja berfungsi sebagai rakan kanak-kanak, malah mereka turut diibaratkan sebagai pengganti ibu bapa dan pendidik sahsiah anak-anak di TASKA.

Kajian kes yang bersifat tinjauan ini tertakluk kepada beberapa limitasi. Pertama, kajian ini lebih bersifat penerokaan awal terhadap fenomena asuhan kanak-kanak dengan hanya melibatkan 3 orang pengasuh di sebuah TASKA berdaftar di Nilai, Negeri Sembilan. Maka dapatan kajian ini tidak dapat digeneralisasikan terhadap seluruh populasi pengasuh TASKA di Malaysia. Justeru, suatu kajian yang lebih terperinci dalam skop yang lebih luas dicadangkan untuk melihat pengaruh latar belakang, sosial budaya dan personaliti terhadap komitmen dan pemilihan kerjaya pengasuh TASKA di Malaysia. Malah, kajian gabungan antara kaedah deduktif dan induktif boleh dilakukan untuk mendalamai fenomena yang dikaji.

Oleh itu, pihak majikan dan JKM disarankan untuk saling bekerjasama dalam meningkatkan kualiti asuhan kanak-kanak di TASKA selaras dengan garis panduan Kurikulum PERMATA Negara. Peningkatan kualiti ini sewajarnya diiringi dengan usaha-usaha ke arah peningkatan komitmen pengasuh terhadap pemilihan kerjaya ini. Hal ini memandangkan pengasuh TASKA yang komited akan kekal lama di dalam kerjaya yang diceburi; seterusnya menangani pelbagai cabaran dan permasalahan di TASKA dengan efektif.

RUJUKAN

- Ackerman, D. (2006). The costs of being a child care teacher: Revisiting the problem of low wages. *Educational Policy*, 20(1), 85-112.
- Baron, R.A. and J. Greenberg, (1990). *Behavior in organization: Understanding and managing the human side of work*. 3rd ed. Toronto: Allyn and Bacon.
- Bayi 2 bulan maut tersedak susu. (2011). *Utusan Malaysia*, 20 Mac.
- Bradley, D.H. (2001). Low child care wages and high turnover shortchange Pennsylvania children: Findings from child care providers in Allegheny County, Southeast Pennsylvania, and York County. *Briefing Paper*, Keystone Research Centre.
- Chiam, H.K. (2008). Child care in Malaysia: Then and now. *International Journal of Child Care and Education Policy*, 2(2), 31-41.
- Chua, L. C. (2008). An exploration of job satisfaction and commitment of teacher educators. *Jurnal Pengkajian Institut Perguruan Batu Lintang* 8, 65-83.
- Cleveland, G. H., Gunderson, M., and Hyatt, D. E. (2003). Child care workers' wages: new evidence on returns to education, experience, job tenure and auspice. *Paper presented at Western Economics Association Meetings*, Seattle.
- Creswell, J.W. (2009). *Research design: Qualitative, quantitative and mixed methods approaches*. Thousand Oaks: SAGE Publications, Inc.
- De Schipper, E. J., M. J. Riksen-Walraven and S. A. Geurts. (2006). Effects of child-caregiver ratio on the interactions between caregivers and children in child-care centers: An experimental study. *Child Development* 77, 861-874.
- Dewi Puspitasari dan Setia Asyanti. (2011). Faktor yang paling berpengaruh terhadap komitmen kerja perawat Panti Wreda di Surakarta. *Jurnal Psikologi Undip* 9(1), 57-64.
- Dua bayi mati tersedak susu. (2012). *Utusan Malaysia*, 20 Januari.
- Patton, M. Q. (2002). *Qualitative research and evaluation methods* (3rd edt.). Thousand Oaks, CA: Sage Publications
- Penn, H. (2009). Early childhood education and care: Key lessons from research for policy makers. *NESSE Report submitted to the European Commission, Directorate-General for Education and Culture*. Diterima daripada <http://roar.uel.ac.uk/3362/1/ecec-report-pdf.pdf>
- Holland, J. L. (1997). *Making vocational choices: A theory of vocational personalities and work environments*. 3rd ed. Florida: Psychological Assessment Resources.
- Huntsman, L. (2008). *Determinants of quality in child care: A review of the research evidence, centre for parenting and research*. Ashfield, NSW: NSW Department of Community Services.
- JKM siasat kes dera kanak-kanak di TASKA. (2013). November 4. *Bernama*, 4 November.
- Kimball, L., Scot, N., and Carl, E. (2006). How to improve employee motivation, commitment, productivity, well-being and safety. *Corrections Today*, 68(3), 1-4.
- Lincoln, Y.S. and Guba, E.G. (1985). *Naturalistic inquiry*. Newbury Park: Sage Publications.
- Merriam, SB. (1998). *Qualitative research and case study applications in education*. Jossey-Bass Publishers: San Francisco.
- Pengasuh tak cukup punca bayi mati di TASKA. (2013). *Utusan Malaysia*, 25 September.
- PERMATA. (2013). *Kurikulum PERMATA negara: Asuhan dan didikan 0-4 tahun*. Edisi ke-3. Bahagian pendidikan awal kanak-kanak (PERMATA). Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Cyberjaya: Jabatan Perdana Menteri.
- Polis: Sah mati tersedak susu. (2013). *Sinar Harian*, 27 September.

- Rubiah Omar. (2015). Bayi cedera digigit di TASKA. *Sinar Harian*, 17 November.
- Shonkoff, J., and Phillips, D. (Eds.). (2000). *From neurons to neighborhoods: The science of Early childhood development*. Washington, D.C.: National Academy Press.
- Strauss & A and Corbin, J. (1998). *Basics of qualitative research*. (2nd Ed.). Thousand Oaks: Sage Publications.
- Torquati, J., H. Raikes and C. Huddleston-Casas. (2007). Teacher education, motivation, compensation, workplace support, and links to quality of center-based child care and teachers' intention to stay in the early childhood profession, *Early Childhood Research Quarterly* 22(2), 261-275.
- Umavathi, R. (2015). Dera bayi: Pemilik TASKA dipenjara lima tahun. *Utusan Malaysia*, 30 Julai.
- Yin, R.K. (2008). *Case study research: Design and Methods*. Thousand Oaks: SAGE Publications.